

# MINAT DAN SIKAP PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) DALAM PENDIDIKAN JASMANI

*(Students' Attitude and Interest Towards the Use of Teaching Aids in Learning and Facilitation in Physical Education)*

\*Norhazira Abdul Rahim<sup>1</sup>, Sahril Agus<sup>2</sup>, Nor Aijratul Asikin<sup>3</sup>

Submitted: 08-Jul-2021  
Accepted: 22-Nov-2021  
Revised: 17-Dec-2021  
Published: 27-Dec-2021

<sup>1,2,3</sup>Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),  
35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

\*Corresponding author's email:  
[norhazira@fsskj.upsi.edu.my](mailto:norhazira@fsskj.upsi.edu.my)

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimaan minat dan sikap pelajar terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang dijalankan secara kaedah kajian tinjauan iaitu menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Data yang diperolehi dianalisis berasaskan deskriptif asas dengan melihat kepada peratusan dan ujian kolerasi Pearson juga dijalankan untuk mengenalpasti hubungan antara minat dan sikap pelajar terhadap penggunaan BBM dalam sesi PdPc. Pemilihan responden kajian dijalankan secara persampelan rawak berkelompok bertujuan yang melibatkan 80 orang pelajar Tingkatan 2. Hasil kajian mendapati bahawa responden mempunyai tahap penerimaan sikap dan minat yang tinggi terhadap penggunaan BBM dalam sesi PdPc mata pelajaran Pendidikan Jasmani iaitu masing-masing dengan nilai skala penerimaan berada pada tahap interpretasi skor min tinggi; 3.68 - 5.00. Selain itu, analisis ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang sederhana antara minat dan sikap pelajar terhadap penggunaan BBM dalam Pendidikan Jasmani ( $r = 0.632$ ,  $p < 0.05$ ). Secara kesimpulan, dapatan kajian menunjukkan tahap penerimaan pelajar dari segi sikap dan minat terhadap penggunaan BBM dalam sesi PdPc mata pelajaran Pendidikan Jasmani berada di tahap yang tinggi. Ini secara tidak langsung menggambarkan dengan penggunaan BBM dalam kelas, ianya dapat meningkatkan kesungguhan dan minat yang tinggi terhadap kandungan mata pelajaran. Dapatan ini dapat memberi input kepada para guru tentang kepentingan mengintegrasikan kaedah PdPc dengan penggunaan BBM yang sesuai, berkesan dan praktikal bagi meningkatkan minat, sikap dan motivasi pelajar semasa PdPc.

**Kata kunci:** minat, sikap, bahan bantu mengajar, pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), Pendidikan Jasmani

## Abstract

The aims of this study is to identify students' interest and attitude on the used of teaching aids in the learning and facilitation session in Physical Education subject. This study was a quantitative study which conducted by survey method using a questionnaire as the research instrument. Data obtained were analyzed on a descriptive basis by using the percentage and Pearson correlation test was also conducted to identify the relationship between students' interests and attitudes towards the use of teaching aids in the learning and facilitation session. The selection of the study respondents were conducted through group random sampling which involve eighty (80) Form 2 students. The results of the study found that respondents have a high level of acceptance of attitude and interest in the

*use of teaching aids in the learning and facilitation session of Physical Education subjects at the stage of interpretation of high mean scores; 3.68 - 5.00. In addition, the analysis of Pearson correlation shows that there was a moderate positive relationship between students' interest and attitude towards the use of teaching aids in Physical Education ( $r = 0.632, p < 0.05$ ). In conclusion, the findings of the study shows that the level of student acceptance in terms of attitude and interest in the use of teaching aids in the learning and facilitation session of Physical Education subjects was at high level. This indirectly shows that by using teaching aids in the classroom can increase the motivation and interest towards the subject's content. These findings provide input to teachers on the importance of integrating the teaching and facilitation methods with the appropriate, effective and practical teaching aids to increase students' interest, attitude and motivation during teaching and facilitation.*

**Keywords:** *interest, attitude, teaching aids, learning and facilitation, Physical Education*

## 1.0 PENGENALAN

Dalam sesebuah institusi pendidikan, proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dinamik dan bersesuaian merupakan satu komponen penting bagi mengembangkan penyebaran maklumat pembudayaan saintifik, pengetahuan baru dan pencetusan idea kreatif dan inovatif (Jantan 2016). Proses PdPc masa kini telah banyak berubah dan mengalami evolusinya sendiri. Jika dahulunya penggunaan lisan dan tulisan sudah menjadi kebiasaan dalam pengajaran, kini teknologi telah menjadi pemacu dalam penggunaan alatan yang lebih canggih seperti penggunaan komputer, video, dan pelbagai peralatan lain lagi yang menggabungkan elemen visual, audio dan teks (Sutaji 2015). Selain itu, merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran; DSKP (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016) bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tingkatan 2 telah menyarankan guru untuk mengaplikasikan beberapa jenis pendekatan pembelajaran termasuklah pendekatan inkuiri dalam pembelajaran berasaskan projek, pendekatan 'Teaching Games for Understanding' (TGfU) dan lain-lain strategi pengajaran. Antara sub-bidang yang terkandung dalam DSKP mata pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 2 termasuklah pembelajaran motor, biomekanik, fisiologi senam, psikologi sukan, sosiologi sukan dan suaiian fizikal. Oleh yang demikian, untuk memudahkan para pelajar untuk menguasai pelbagai ilmu bidang atau sub-topik tersebut, para guru yang mengendalikan PdPc perlu mempunyai penguasaan dan kemahiran dalam teknik pengajaran yang berkesan.

Oleh yang demikian, untuk pelaksanaan sesi PdPc yang berkesan, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan pendekatan pengajaran yang lebih interaktif dan berbeza dengan kaedah tradisional yang hanya berpusatkan pada guru semata-mata. Antara transformasi yang dilaksanakan dalam sesi PdPc ialah menggunakan komponen multimedia sebagai BBM. Selain itu, penggunaan BBM dalam proses PdPc memainkan peranan penting dalam membantu pelajar memahami sesuatu konsep di dalam kelas dengan lebih mudah. Penggunaan BBM yang berkesan mampu menarik minat pelajar untuk belajar serta meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar. Kajian mendapati penggunaan bahan multimedia interaktif berasaskan Pendidikan adalah kaedah efektif dalam meningkatkan hasil pembelajaran pelajar sekolah (Rohayati, Astra, & Suwiwa 2019). Menurut Bakhir & Zamri (2016), penggunaan BBM yang menarik mampu memberi keseronokan kepada pelajar serta dapat membantu pelajar untuk mengingat apa yang dipelajari sekaligus membantu mereka untuk menguasai sesuatu topik.

Justeru, kaedah PdPc di sekolah perlu memberi penekanan kepada konsep yang lebih interaktif dan konstruktif. Cara pengajaran tradisional seperti teknik 'chalk and talk' dan syarahan hanya membenarkan maklumat yang terhad untuk disampaikan dari guru kepada pelajar bergantung kepada jumlah pengetahuan yang diperlukan oleh pelajar (Ishak et al. 2002). Proses PdPc yang menggunakan BBM memberi kesan yang positif kepada diri pelajar dan meningkatkan motivasi pelajar untuk memberi perhatian sepenuhnya ketika sesi PdPc. Sebagai contoh, penggunaan BBM melalui kaedah pengajaran berasaskan permainan didapati berupaya memupuk pembelajaran positif dan tingkah laku prososial kanak-kanak (Chin & Zakaria 2015). Malahan, penggunaan BBM juga dapat meningkatkan kefahaman pelajar dan memudahkan pelajar untuk belajar serta menerima maklumat dari guru secara optimal (Zainal Azir 2017). Oleh yang demikian, penggunaan BBM dalam sesi PdPc merupakan salah satu strategi untuk meningkatkan penguasaan dan pencapaian bagi para pelajar kerana tanpa BBM, proses PdPc berkemungkinan akan menjadi kurang berkesan seterusnya menyumbang kepada penurunan pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, para guru perlu mengintegrasikan penggunaan BBM dalam PdPc mereka bagi melahirkan pelajar yang mempunyai penguasaan kandungan mata pelajaran tersebut dari pelbagai aspek termasuklah aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Penggunaan BBM dalam PdPc di sekolah memerlukan kesediaan guru dari segi amalan dan kemahiran penggunaan supaya penggunaan BBM Ketika sesi PdPc dilaksanakan secara berkesan dan optimum. Walaupun kebanyakan guru telah mempraktikkan penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani dalam kelas, namun tahap penerimaan, minat dan sikap pelajar perlulah diketahui dan dikenalpasti supaya para guru lebih jelas tentang kepentingan penggunaan BBM ini.

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat tiga objektif kajian ini iaitu:

- a) Mengetahui tahap minat pelajar terhadap penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani.
- b) Mengetahui tahap penerimaan sikap pelajar terhadap penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani.
- c) Menentukan hubungan antara penerimaan minat dan penerimaan sikap terhadap penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani.

## **3.0 PERSOALAN KAJIAN**

Dalam kajian ini, terdapat tiga persoalan kajian iaitu:

- a) Apakah tahap penerimaan minat pelajar terhadap penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani?
- b) Apakah tahap penerimaan sikap pelajar terhadap penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani?
- c) Adakah terdapat hubungan antara penerimaan minat dan penerimaan sikap terhadap penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani?

## **4.0 KAJIAN LITERATUR**

Implikasi sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani memainkan peranan penting khususnya pandangan dan penerimaan pelajar terhadap aktiviti fizikal, iaitu ia mungkin dipengaruhi secara negatif oleh pengalaman buruk di kelas

yang akan mengakibatkan wujudkan perasaan tidak menggemari aktiviti fizikal. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa minat terhadap aktiviti fizikal diperantara oleh persepsi dan sikap (Paxton et al. 2004) dan sikap adalah komponen utama dalam menjalankan aktiviti fizikal (Sallis, Prochaska & Taylor, 2000). Oleh itu, persepsi, sikap dan minat pelajar mempunyai implikasi penting terhadap konteks dan persekitaran PdPc di dalam kelas Pendidikan Jasmani yang mana ianya memainkan peranan penting untuk penyertaan secara berkala dalam aktiviti fizikal di luar sekolah dan untuk sepanjang kehidupan mereka. Penggunaan BBM adalah salah satu kaedah pengajaran yang boleh digunakan oleh guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran yang lebih berkesan. Kajian oleh Jasmi et al. (2011) menyatakan BBM berperanan sebagai pemudah cara untuk guru bagi keberkesanan pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar. Penggunaan BBM yang menarik dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek Pendidikan Jasmani dan dapat meningkatkan nilai murni dalam diri pelajar. Ini seiring dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam melaksanakan Pembelajaran Abad Ke- 21 (PAK21) mulai tahun 2014, iaitu guru perlu lebih kreatif dan inovatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran. Di samping itu, penggunaan BBM yang bersesuaian, praktikal dan berinovasi akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelajar-pelajar.

Penggunaan BBM juga dapat memberi kesan positif terhadap kecemerlangan akademik pelajar dan menambahbaik kaedah pengajaran guru (Yasin 2010; Ilias et al. 2016). Ringkasnya, literatur dan kajian terdahulu menunjukkan bahawa sesi pembelajaran pelajar dapat ditingkatkan dengan menerapkan integrasi BBM yang sesuai yang mana ia dapat menjana idea yang bernas untuk menentukan aktiviti yang lebih kreatif di dalam PdPc (Noordin & Zainal Abiden, 2010). Sebagai contoh, penggunaan berterusan BBM yang berasaskan maklumbalas-video serta tambahan tugas penilaian sendiri semasa PdPc Pendidikan Jasmani menyumbang kepada peningkatan kemahiran motor, kemampuan penilaian diri dan profil motivasi (Potdevin et al. 2018). Malahan, penggunaannya BBM sama ada berbentuk elektronik dan bukan elektronik didapati memberi kesan positif kepada peningkatan tahap kognitif dan kemahiran psikomotor kepada golongan yang mempunyai masalah pembelajaran (Nachiappan et al. 2017).

## 5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di Sabah, Malaysia. Responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada 80 orang pelajar Tingkatan 2 yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A (Demografi Responden), Bahagian B (Tahap Penerimaan Minat Pelajar) dan Bahagian 3 (Tahap Penerimaan Sikap Pelajar).

Skala Likert 5 digunakan untuk menilai tahap penerimaan minat dan sikap pelajar terhadap penggunaan BBM dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Soal selidik ini telah diuji terlebih dahulu tahap kebolehpercayaan melalui penentuan nilai Alpha Cronbach melalui tinjauan rintis. Tinjauan rintis dibuat bertujuan untuk mengenalpasti kelemahan atau perkara item yang perlu ditambahbaik. Oleh itu, 20 orang pelajar dipilih untuk menjawab soal selidik ini terlebih dahulu. Hasil dapatan kajian rintis mendapati responden menjawab kesemua soalan dan tidak mempunyai masalah untuk memahami soalan tanpa bertanyakan apa yang dikehendaki oleh soalan tersebut. Konsistensi soal selidik diukur dengan ujian Alpha Cronbach iaitu nilai realibiliti yang diperolehi ialah 0.778, yang menunjukkan kebolehpercayaan

instrumen ini boleh diterima (nilai  $0.7 < 0.8$  mempunyai kekuatan hubungan yang baik).

## 6.0 ANALISIS DATA

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) versi 22.0 iaitu analisis deskriptif min digunakan untuk menentukan apakah tahap penerimaan dari aspek minat dan sikap pelajar terhadap proses pembelajaran menggunakan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani. Skala skor min bagi penentuan tahap penerimaan ini adalah berdasarkan Jadual 1.

Jadual 1: Skala Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 - 5.00	Tinggi

Sumber: Muslim dan Samian (2012)

Manakala, analisis Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan di antara penerimaan minat pelajar dan penerimaan sikap pelajar terhadap penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani. Jadual 2 menunjukkan saiz pekali Korelasi Pearson yang digunakan di dalam kajian ini.

Jadual 2: Penentuan Korelasi Berdasarkan Pekali Korelasi (r)

Saiz pekali korelasi	Kekuatan Korelasi
0.90 - 1.00	Korelasi Sangat Tinggi
0.70 - 0.89	Korelasi Tinggi
0.40 - 0.69	Korelasi Sederhana
0.20 - 0.39	Korelasi Lemah
0.01 - 0.19	Korelasi Sangat Lemah
0.00	Tidak Korelasi

Sumber: Brunning dan Kintz (1996)

## 7.0 HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan tiga persoalan kajian yang dinyatakan.

### 7.1 Demografi Responden

Bahagian data demografi responden terdiri daripada dua item soalan iaitu jantina dan bangsa.

Jadual 3 Data Demografi Responden

Aspek	Kategori	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	40	50.0
	Perempuan	40	50.0
Bangsa	Melayu	59	73.8
	India	13	16.3
	Cina	4	5.0
	Lain-Lain	4	5.0

Berdasarkan Jadual 3, seramai 80 orang responden yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 2 terlibat dalam kajian ini. Dari aspek jantina, didapati seramai 40 orang responden adalah terdiri daripada lelaki (50%) dan 40 orang responden (50%) adalah terdiri daripada perempuan. Dari aspek bangsa responden pula, majoriti responden adalah berbangsa Melayu iaitu seramai 59 orang responden (73.8%), diikuti bangsa India seramai 13 orang (16.3%), bangsa Cina seramai 4 orang (5.0%) dan selebihnya adalah lain-lain bangsa seramai 4 orang (5.0%).

## 7.2 Dapatan Tahap Penerimaan Minat Pelajar terhadap Penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani

Jadual 4: Tahap Penerimaan Minat Pelajar terhadap Penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani

No. Item	Penilaian	Peratusan (%)					Min	Intrepretasi
		STS	TS	TP	S	SS		
B1	Saya menyukai subjek Pendidikan Jasmani yang diajar dengan bahan bantu mengajar (BBM) kerana ia dapat mengurangkan tekanan.	0	5.0	22.5	48.7	23.8	3.91	Tinggi
B2	Saya sangat berminat mempelajari Pendidikan Jasmani apabila guru menggunakan BBM semasa mengajar.	0	6.3	12.5	60.0	21.3	3.96	Tinggi
B3	Saya tidak suka mempelajari Pendidikan Jasmani tanpa penggunaan BBM.	0	8.8	5.0	50.0	36.3	4.14	Tinggi
B4	Saya berasa bosan mempelajari Pendidikan Jasmani sekiranya guru tidak menggunakan BBM semasa mengajar	1.3	23.8	5.0	43.8	26.3	3.70	Tinggi
B5	Penggunaan BBM oleh guru menjadi motivasi kepada saya untuk mengikuti mata pelajaran Pendidikan Jasmani.	2.5	8.8	12.5	42.5	33.8	3.96	Tinggi
B6	Saya berasa seronok mempelajari Pendidikan Jasmani dengan adanya BBM.	2.5	10.0	0.0	51.3	36.3	4.09	Tinggi
B7	BBM yang digunakan semasa pengajaran dapat mengekalkan minat saya pada subjek Pendidikan Jasmani.	1.3	12.5	0.0	43.8	42.5	4.14	Tinggi
B8	Saya tidak berminat dalam sesi PdPc jika guru tidak menggunakan BBM	0	5.0	12.5	58.5	23.8	4.01	Tinggi
B9	Penggunaan BBM semasa sesi PdPc Pendidikan Jasmani dapat menambah minat saya untuk lebih fokus dalam kelas.	2.5	2.5	7.5	51.3	36.3	4.16	Tinggi
B10	Dengan penggunaan BBM, mata pelajaran Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran paling diminati.	0.0	5.0	5.0	66.3	23.8	4.09	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan bahawa kesemua sepuluh item berada pada tahap yang tinggi (tahap interpretasi skor min 3.68 - 5.00). Ini menunjukkan tahap penerimaan minat pelajar terhadap penggunaan BBM dalam sesi PdPc matapelajaran Pendidikan Jasmani berada pada tahap yang tinggi. Kajian lepas menunjukkan bahan pembelajaran interaktif meningkatkan kaedah pengajaran guru kerana bahan pengajaran ini mampu menarik minat pelajar untuk belajar (Zakaria & Khalid, 2016). Ini menunjukkan penggunaan BBM yang menarik dan interaktif dapat membantu pelajar untuk meminati mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Selain itu, penggunaan BBM dalam sesi PdPc dapat melatih kemahiran meta-kognitif dan meningkatkan kefahaman tentang konsep asas matapelajaran (Anggo & Arapu 2018).

### 7.3 Analisis Bahagian C: Tahap Penerimaan Sikap Pelajar terhadap Penggunaan BBM dalam PdPC Pendidikan Jasmani

Jadual 5: Tahap Penerimaan Sikap Pelajar terhadap Penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani

No Item	Penilaian	Peratusan (%)					Min	Intrepretasi
		STS	TS	TP	S	SS		
C1	Saya dapat meningkatkan kefahaman terhadap topik di ajar dengan adanya BBM dalam subjek Pendidikan Jasmani.	0	17.5	2.5	50.0	30.0	3.93	Tinggi
C2	Saya lebih mudah mengingat kandungan topik Pendidikan Jasmani yang di ajar dengan BBM.	0	5.0	15.0	50.0	30.0	4.05	Tinggi
C3	Saya berasa aktiviti latihan dalam kumpulan lebih mudah difahami dengan bantuan BBM.	0	3.8	23.8	35.7	37.5	4.06	Tinggi
C4	Saya berasa dengan penggunaan BBM, interaksi antara saya bersama rakan-rakan lebih baik.	0	2.38	17.5	37.5	41.3	4.16	Tinggi
C5	Saya lebih mudah memahami topik yang dipelajari dalam Pendidikan Jasmani dengan adanya BBM.	0	5.0	7.5	35.0	52.5	4.35	Tinggi
C6	Saya lebih aktif ketika dalam sesi PdPc Pendidikan Jasmani yang menggunakan BBM.	0	17.5	2.5	50.0	30.0	3.93	Tinggi
C7	Saya lebih dapat menumpukan perhatian di dalam kelas semasa PdPc Pendidikan Jasmani yang menggunakan BBM.	0	11.3	12.5	50.0	26.3	3.91	Tinggi
C8	Saya lebih bersikap proaktif ketika dalam sesi PdPc Pendidikan Jasmani yang menggunakan BBM.	0	2.5	0	68.8	28.8	4.24	Tinggi
C9	Saya selalu melibatkan diri ketika sesi pembelajaran Pendidikan Jasmani yang menggunakan BBM.	8.8	26.3	0	51.3	13.8	2.65	Sederhana

C10	Saya lebih dapat menumpukan perhatian dalam sesi PdPc Pendidikan Jasmani yang menggunakan BBM.	0	3.8	12.5	32.5	51.3	4.31	Tinggi
-----	--	---	-----	------	------	------	------	--------

Berdasarkan Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua item berada pada tahap yang tinggi (tahap interpretasi skor min 3.68 - 5.00), kecuali item C9 (Saya selalu melibatkan diri ketika sesi pembelajaran Pendidikan Jasmani yang menggunakan BBM) yang berada pada tahap sederhana (tahap intrepretasi skor min 2.65). Secara keseluruhan untuk dapatan bahagian ini dapat dirumuskan tahap penerimaan sikap pelajar terhadap penggunaan BBM dalam sesi PdPc matapelajaran Pendidikan Jasmani berada pada tahap yang tinggi. Kajian terdahulu mendapati bahawa pelajar yang mempunyai sikap positif tentang kepentingan mata pelajaran Pendidikan Jasmani, mempunyai tahap keseronokan yang tinggi ketika sesi pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani (Subramaniam & Silverman 2002). Selain itu, didapati kepelbagaian dalam gaya pengajaran termasuklah penggunaan grafik berkomputer pembelajaran dapat memberi kesan serta meningkatkan minat dan motivasi (Isa & Ma'arof 2018).

#### 7.4 Analisis Kolerasi antara Minat dan Sikap Pelajar terhadap Penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani.

Jadual 5: Hubungan antara Minat dan Sikap Pelajar terhadap Penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani.

Pemboleh ubah	Sikap Pelajar terhadap Penggunaan BBM dalam PdPc	
	r	p
Minat Pelajar terhadap Penggunaan BBM dalam PdPc	0.632	0.000*

\*Signifikan pada paras keyakinan 0.05 (2-tailed)

Berdasarkan analisis korelasi Pearson, didapati terdapat hubungan positif yang sederhana di antara minat dan sikap terhadap penggunaan BBM dalam PdPc Pendidikan Jasmani. Hal ini menunjukkan terdapat perkaitan di antara minat dan juga sikap pelajar terhadap penggunaan BBM semasa sesi PdPc dijalankan. Sikap dan minat mempunyai perkaitan rapat dengan pencapaian seseorang di dalam pembelajarannya. Kesediaan sikap dan minat pelajar merupakan komponen penting dalam sesi PdPc, seperti yang dicadangkan oleh Kamaruddin (1993) yang mengutarakan prinsip kesediaan belajar iaitu proses pembelajaran akan menjadi lebih berkesan sekiranya wujud kesediaan dan minat dalam diri pelajar untuk menerimanya. Tambahan lagi, sikap dan minat pelajar yang positif mempunyai hubungan yang kuat dengan perkembangan idea dan hasil pembelajaran (Nurlia et. al 2017). Kajian terkini oleh Mookan, Ahmad dan Othman (2021) menyatakan bahawa pelajar mempunyai tahap interpretasi dalam lingkungan sederhana tinggi dan tinggi terhadap guru-guru yang mengamalkan kepelbagaian pendekatan dalam aspek penyampaian pengajaran, penggunaan BBM, pelaksanaan pedagogi dan pemberian peneguhan semasa PdPc.

## 8.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulan, hasil kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap penerimaan sikap dan minat yang tinggi terhadap penggunaan BBM dalam sesi PdPc mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Selain itu, analisis ujian korelasi Pearson



menunjukkan terdapat hubungan positif yang sederhana antara minat dan sikap pelajar terhadap penggunaan BBM dalam Pendidikan Jasmani. Sehubungan itu, dapatan ini dapat memberi input kepada para guru tentang kepentingan mengintegrasikan kaedah PdPC dengan penggunaan BBM yang sesuai, berkesan dan praktikal bagi meningkatkan minat, sikap dan motivasi pelajar semasa PdPC dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

## 9.0 RUJUKAN

- Anggo, M., & Arapu, L. (2018). The Use of Mathematics Teaching Aids to Train Metacognition Ability of Elementary School Students. In *Journal of Physics: Conference Series* (Vol. 1028, No. 1, p. 012143). IOP Publishing.
- Bakhrir, N. M. & Zamri, M.Z.I. (2016) Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Papan Pelbagai Sentuh untuk Pembelajaran Sains Tahun Tiga. In: 2nd International Conference on Creative Media, Design & Technology (REKA) 2016, Pulau Pinang, Malaysia.
- Brunning, J.L. & Kintz, B.L., 1996: *Computational Handbook of Statistics*. 4th Edition. New York: Addison-Wesley Educational Publishers Inc. 78-81.
- Chin, L. C., & Zakaria, E. (2015). Effect of Game-Based Learning Activities on Children's Positive Learning and Prosocial Behaviours. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 40(2), 159-165.
- Ilias, M. F., Husain, K., Noh, M. A. M., Rashed, Z. N., & Abdullah, M. (2016). Sumber Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Bestari. *e-Academia Journal*, 5(2).
- Isa, N. S., & Ma'arof, N. N. M. I. (2018). Keberkesanan Penggunaan Grafik Berkomputer sebagai Alat Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Pelajar Reka Bentuk dan Teknologi. *Sains Humanika*, 10(3-3).
- Ishak, N. M., Ariffin, S. R., Din, R., & Abd Karim, A. (2002). Expanding the Traditional Classroom Through Computer Technology: Collaborative Learning in Graduate Social Science Courses. *Jurnal Teknologi*, 17â-28.
- Jantan, N. (2016). Penerapan Budaya Kreatif dan Inovatif Di Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau Melalui PERKAYA INOVASI. Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Politeknik Merlimau
- Jasmi, K. A., Ilias, M. F., Tamuri, A. H., & Hamzah, M. I. M. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59-74.
- Kamaruddin, H. (1993). *Pengajaran Lisan: Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tingkatan 2. Bahagian Pembangunan Kurikulum*, Putrajaya, Malaysia
- Mookan, N., Ahmad, A. R., & Othman, N. (2021). Pendekatan Kepelbagaian Pengajaran dari Aspek Penyampaian, Alat Bantu Mengajar, Pedagogi dan Peneguhan Dalam Pembelajaran Sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 227-238.
- Muslim, N., & Samian, A. L. (2012). Tahap Penerimaan Pelajar terhadap Peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 30(1), 3-27.
- Nachiappan, S., Rahim, S. A. A., Othman, M., & Balakrishnan, V. D. (2017). Usage of Teaching Aids in Increasing Cognition Among Slow Learners through Art

- Lessons. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 7(1), 12-20.
- Noordin, H. S., & Zainal Abiden, N. F. (2010). Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Bakal Guru Fizik semasa Latihan Mengajar. *Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia*.
- Nurlia, N., Hala, Y., Muchtar, R., Jumadi, O., & Taiyeb, M. (2017). Hubungan antara Gaya Belajar, Kemandirian Belajar, dan Minat Belajar dengan Hasil Belajar Biologi Siswa. *Jurnal Pendidikan Biologi*, 6(2), 321-328.
- Rohayati, Y., Astra, I. B., & Suwiwa, I. G. (2019). Pengembangan multimedia interaktif berbasis game edukasi materi kesehatan pada mata pelajaran pendidikan jasmani olahraga dan rekreasi. *Jurnal IKA*, 16(1), 33-43.
- Paxton, R., Estabrooks, P., & Dzewaltowski, D. (2004). Attraction to Physical Activity Mediates the Relationship between Perceived Competence and Physical Activity in Youth. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 75, 107-111. <https://doi.org/10.1080/02701367.2004.10609139>
- Potdevin, F., Vors, O., Huchez, A., Lamour, M., Davids, K., & Schnitzler, C. (2018). How Can Video Feedback Be Used in Physical Education to Support Novice Learning in Gymnastics? Effects on motor learning, self-assessment and motivation. *Physical Education and Sport Pedagogy*, 23(6), 559-574.
- Sallis, J. F., Prochaska, J. J., & Taylor, W. C. (2000). A Review of Correlates of Physical Activity of Children and Adolescents. In *Sports and Medicine and Science Exercise*, 32(5), 963-975. <https://doi.org/10.1097/00005768-200005000-00014>
- Subramaniam, P. R., & Silverman, S. (2002). Using Complimentary Data: An Investigation of Student Attitude in Physical Education. *Journal of Sport Pedagogy*, 8, 74-91.
- Sutaji, S. S. (2015). Kesan Penggunaan Koswer Multimedia Animasi Visual Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Matematik (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Yasin, H. B. M. (2010). Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) di Kalangan Guru-Guru Teknikal di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor. *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Zainal Azir, N. A. (2017). Simulasi Ahu Blower Sebagai ABBM (Doctoral Dissertation, Tesis Ijazah Sarjana Muda. *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Oon Malaysia*).
- Zakaria, N., & Khalid, F. (2016). Manfaat Penerapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pembelajaran Matematik serta Kekangannya. *Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia*.